

17 OCT 2000

MAHATHIR RAI PRESIDEN INDONESIA

LANGKAW, I 17 Okt (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini meraikan Presiden Indonesia Abdurrahman Wahid dan isteri Ibu Sinta Nuriyah pada jamuan makan malam di sebuah hotel terkemuka di sini.

Turut hadir pada majlis itu isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Luar Indonesia Alwi Shihab serta isteri masing-masing, beberapa menteri Indonesia dan pegawai-pegawai kanan kedua-dua buah negara berkenaan turut hadir pada majlis itu.

Majlis makan malam itu diadakan bersempena lawatan kerja dua hari Abdurrahman ke negara ini bagi mengukuh hubungan dua hala.

Dr Mahathir dan Abdurrahman mengadakan perbincangan tertutup sebelum mereka mengetuai delegasi masing-masing ke mesyuarat dua hala.

Mereka dihiburkan dengan persembahan nyanyian dan tarian kebudayaan oleh Badan Kebudayaan dan Kesenian Negeri Kedah.

-- BERNAMA

NH RI